



DR. AHAMAD SIPON (tengah) berbual-bual dengan peserta Klinik SPM dan STAM 2006 di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

# KLINIK SPM, STAM 2006



Tekad dan azam baru

**P**ARA peserta Seminar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Kebangsaan 2006 di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) - yang berakhir semalam - pulang dengan tekad baru, muncul paling gemilang dalam peperiksaan tidak lama lagi.

Pelajar-pelajar berkenaan datang dari segenap pelosok tanah air, termasuk Sabah dan Sarawak.

Berbekalkan pengetahuan dan semangat baru, mereka cukup bersungguhsungguh, setelah sedar tentang potensi diri dan peluang yang terhidang di hadapan masing-masing.

Program selama empat hari dan tiga malam itu dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM), **Datuk Dr. Ahamad Sipon**, di Kolej Universiti

Islam Malaysia (KUIM) di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Program dianjurkan bersama-sama oleh KUIM dan *Utusan Malaysia*.

## Peluang

Pada sepanjang kursus itu, para peserta diberi pelbagai input, daripada peluang melanjutkan pelajaran ke universiti awam dan swasta, mengharungi cabaran sebenar dalam kehidupan, program akademik serta pengisian kerohanian.

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni KUIM, **Prof. Dr. Mohammad Alias** mengalu-alukan kedatangan pelajar dan berharap mereka semua gembira menghabiskan sebahagian cuti di KUIM.